

HASiL/2026/09/16 – 47

HASiL PERKASA KESEJAHTERAAN KOMUNITI KAMPUNG BUKIT TERENDAK MELALUI PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus memperluas manfaat Program Kampung Angkat MADANI (KAM) kepada komuniti Kampung Bukit Terendak, Melaka menerusi penyediaan kemudahan dan inisiatif yang memberi manfaat secara langsung kepada penduduk setempat.

Lawatan ke Kampung Bukit Terendak turut disertai oleh YBr. Encik Shahrul Niza Bishahrin, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat dan YBhg. Datuk Mohd Shahriz Ramli, Pengarah Negeri HASiL Melaka yang memberi peluang kepada HASiL untuk melihat sendiri kemudahan yang telah dilaksanakan, menyantuni penduduk serta mendapatkan pandangan mengenai keperluan komuniti setempat.

Menerusi peruntukan RM500,000 yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada HASiL bagi pelaksanaan Program KAM, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan berdasarkan keperluan penduduk Kampung Bukit Terendak. Antara kemudahan yang disediakan ialah Taman Rekreasi Kampung Bukit Terendak, kelengkapan Balai Raya serta katil hospital dan kerusi roda untuk kegunaan komuniti.

Taman Rekreasi Kampung Bukit Terendak menyediakan ruang yang lebih selesa untuk aktiviti riadah dan rekreasi serta memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak, belia, keluarga dan warga emas.

Program bersama komuniti turut merangkumi aktiviti senamrobik, pemeriksaan kesihatan dan aktiviti bersama kanak-kanak, selain simbolik penyerahan kemudahan dan kelengkapan komuniti, penyampaian hadiah mewarna sempena sambutan Hari Malaysia, penyerahan sumbangan HASiL Prihatin serta sesi ramah mesra bersama penduduk.

Lawatan dan sesi bersama penduduk turut memberi peluang kepada HASiL untuk mendengar sendiri pandangan serta keperluan komuniti, sekali gus memastikan usaha yang dilaksanakan terus memberi manfaat kepada masyarakat.

Pelaksanaan inisiatif KAM di Kampung Bukit Terendak turut mengangkat pendekatan *Whole of Government* melalui kerjasama antara HASiL, agensi Kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan kepimpinan masyarakat bagi memastikan keperluan pembangunan di peringkat komuniti dapat ditangani secara tersusun dan berimpak.

Program KAM diperkenalkan menerusi Belanjawan 2024 sebagai salah satu pendekatan Kerajaan untuk meningkatkan capaian kemudahan asas dan kemudahan masyarakat melalui penglibatan kementerian dan agensi Kerajaan dalam memenuhi keperluan pembangunan kampung yang dikenal pasti.

HASiL berharap pelaksanaan Program KAM di Kampung Bukit Terendak dapat terus memberi manfaat kepada penduduk setempat serta menjadi pemangkin kepada penglibatan berterusan antara agensi Kerajaan dan komuniti dalam membina masyarakat yang lebih sejahtera, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 16 September 2026

LAMPIRAN



Simbolik penyerahan replika Kemudahan dan Kelengkapan Komuniti Kampung Bukit Terendak, Melaka untuk dimanfaatkan oleh penduduk kampung.



Sesi penyerahan sumbangan kepada salah seorang penduduk oleh YBrs. Encik Shahrul Niza Bishahrin, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat diiringi oleh YBhg. Datuk Mohd Shahriz Ramli, Pengarah Negeri HASiL Melaka.



Sesi senamrobik bersama dengan penduduk Kampung Bukit Terendak berlangsung dalam suasana ceria dan penuh semangat.



Sesi bergambar kenang-kenangan bersama dengan pihak pengurusan, penduduk kampung serta tetamu jemputan.